

DS 1 PENYEDIAAN ASAS INFRASTRUKTUR YANG INKLUSIF

Cadangan inisiatif bagi penyediaan asas infrastruktur desa adalah melibatkan 11 tindakan strategik bagi mencapai perancangan Desa Sejahtera. Perincian tindakan dan program adalah sebagaimana berikut:

DS 1.1: Penyediaan Bekalan Air Bersih yang Mencukupi dan Berterusan

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Penemuan Strategik:

- Bekalan air tidak mencukupi.
- lokasi rumah jauh dari jalan utama.

Justifikasi Cadangan:

- Menyediakan infrastruktur sistem pengagihan dan retikulasi paip bekalan air bagi kawasan penempatan baru.
- Penyediaan bekalan air ke kawasan penternakan.
- Menambahbaik tekanan bekalan air yang rendah dan terputus.

Komponen Cadangan:

- Menyediakan liputan rangkaian bekalan air *Ranhill* SAJ di kawasan penempatan baru.
- Menaiktaraf sistem bekalan air di perkampungan.
- Menambahbaik tekanan bekalan air.
- Menambahbaik kaedah pengurusan penyelenggaraan sistem secara berpusat bagi sistem bekalan alternatif.

Sasaran Pembangunan:

- 100% penduduk desa mendapat bekalan air yang bersih menjelang 2030.
- Selaras dengan sasaran dasar PPMJ 2030 bagi membolehkan 100% penduduk desa menikmati bekalan air bersih 24 jam sehari sepanjang tahun menjelang 2026.
- Menepati matlamat SDGs (*Clean Water and Sanitation*) untuk memastikan penyediaan sumber air bersih yang mencukupi di samping pengurusan sumber air yang mampan.
- Selaras dengan aspirasi DPLB 2030 dan DPF Desa Negara 2030 bagi membolehkan 100% penduduk desa mendapat bekalan air bersih terawat yang berterusan dan mencukupi menjelang 2030.

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **35 kampung**.

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar/Desa
Muar	2	6
Segamat	1	14
Tangkak	-	12
Jumlah	3	32

AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • JPJK • Pejabat Daerah 	<ul style="list-style-type: none"> • KPLB • <i>Ranhill</i> SAJ • BPEN

KAEDAH PELAKSANAAN


- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam dan swasta.
- Pejabat Daerah dijadikan pusat aduan dan pemantauan kerja-kerja penyelenggaraan sistem bekalan air alternatif.
- Mewujudkan pusat aduan setempat kerosakan dan penyelenggaraan sistem bekalan air alternatif di Pejabat Daerah bagi memudahkan pemantauan dan pengurusan penyelenggaraan.

ANGGARAN KOS

- Kos Peruntukan Pembinaan Tangki Sedutan Setiap Daerah = RM 500,000
- Kos Peruntukan Pembinaan Tangki Pembahagian Setiap Daerah = RM 1,000,000
- Kos Peruntukan Rumah Pam & Peralatan Setiap Daerah = RM 1,000,000
- Kos Peruntukan Paip Retikulasi Setiap Daerah : RM 2,000,000

Jumlah Kos: RM 16,500,000

FASA PELAKSANAAN



Penemuan Strategik


Penemuan kajian mendapati 35 kampung (3%) dikenal pasti menghadapi masalah berkaitan bekalan air. Masalah yang dihadapi termasuklah isu gangguan bekalan air terputus, tekanan air rendah, penggunaan telaga, isu paip lama, ketiadaan bekalan air di kawasan perumahan baru dan di kawasan ternakan serta isu paip besar jauh.

Secara keseluruhannya, kawasan kampung orang asli di Daerah Segamat masih menggunakan bekalan air alternatif seperti telaga dan masih menghadapi isu bekalan air yang berterusan. Manakala isu bekalan air bagi generasi muda bagi kawasan desa berikutan lokasi rumah yang agak jauh daripada paip besar menyebabkan tekanan air rendah di samping faktor paip sedia ada yang sudah usang dan kecil.

Manakala isu permasalahan bagi kawasan FELDA adalah berikutan pembangunan perumahan oleh generasi kedua bukan di bawah tanggungjawab dan pentadbiran pihak FELDA. Dalam merencana pembangunan infrastruktur yang berkesan, aspek penyediaan dan penyelenggaraan bekalan air bersih hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan kelangsungan bekalan air bersih untuk kawasan desa.

Perincian kawasan yang terlibat adalah seperti Rajah 5.1.

Rajah 5.1: Cadangan Penekanan Kawasan Gangguan Bekalan Air



Sumber: Kajian Lapangan dan Sesi Bengkel FGD, 2021

Dalam usaha mencapai kawasan desa yang sejahtera dan lengkap dengan kemudahan asas infrastruktur, berikut merupakan senarai kampung-kampung yang telah dikenal pasti dan perlu diberikan penekanan segera.

Jadual 5.1: Senarai Kampung yang Perlu Dipertingkatkan Agihan Bekalan Air


Daerah	Mukim	Bil	Lokasi	Bekalan Air Semasa / Isu Permasalahan	Bil. Rumah	Cadangan	FASA
Muar	Sg. Balang	1	Kg. Parit Kemang	Penaiktarafan paip utama • Simpang 4 Parit Latif ke Semerah Darat • Simpang 4 Sarang Buaya Darat ke Semerah darat	-	Naik taraf paip utama	F2
		2	Kg. Sg Pulau Laut Benteng	Keperluan bagi generasi muda	-	Bina baru	F1
		3	Kg. Batu 5	Tekanan air rendah	-	Naik taraf paip utama	F2
		4	Kg. Batu 6 Jalan Bakri	Gangguan air (paip lama dan kerap bocor)	-	Naik taraf paip utama	F2
		5	Kg Parit Kadir Darat	Tekanan air rendah	-	Naik taraf paip utama	F2
	Sg. Raya	6	Kg. Tanjung Olak	Paip sedia ada di atas tanah persendirian	1	Bina baru	F1
	Sg. Terap	7	Kg. Naib Kadir	Gangguan air (paip kecil dan kerap bocor)	9	Naik taraf paip utama	F2
	Lenga	8	Kg. Searak Api	Tiada bekalan air	-	Bina baru	F1
Segamat	Labis	1	Kg. Temayor	Telaga	10	Bina baru	F1
		2	Kg. Sri Tuah	Telaga	5	Bina baru	F1
		3	Kg. Tenang	Isu paip besar jauh	9	Bina baru	F1
		4	Kg. Usaha Jaya	Keperluan bagi generasi muda	-	Bina baru	F1
		5	Kg. Felde Chemplak	Keperluan bagi generasi kedua	-	Bina baru	F1
		6	Kg. Sawah Bahru	Isu paip besar jauh (ladang ternakan)	2	Bina baru	F1
		7	KOA Selai	Telaga	9	Bina baru	F1
	Bekok	8	KOA Sri Tembayan	Telaga	32	Bina baru	F1
		9	KOA Kudong	Telaga	68	Bina baru	F1
		10	KOA Tamok	Telaga	28	Bina baru	F1
		11	KOA Kimidak	Telaga	16	Bina baru	F1
		12	KOA Selai	Telaga	23	Bina baru	F1
		14	Kg. Pancha Jaya	Tekanan air rendah		Menaiktaraf sistem perpaipan	F1
		Sg. Segamat	15	Kg. Tunku Tiga	Telaga	3	Bina baru
	16		Kg. Jawa	Tekanan air rendah	-	Naik taraf paip utama	F1
	Chaah	17	Kg. Desa Temu Jodoh	Tiada sambungan paip bagi pembangunan perumahan fasa kedua	-	Bina baru	F1
	Jabi	18	Kg. Jabi	Isu paip besar jauh	1	Bina baru	F2
		19	Kg. Kadut	Isu paip besar jauh	1	Bina baru	F2
	Pogoh	20	Jln Mat Sulong Kg Melayu Raya	Tekanan rendah	5	Bina baru	F1
		21	Jalan Danau Panjang Kg Pogoh Tengah	Paip lama dan tekanan air rendah	20	Tukar paip baru	F1
		22	Jalan Biru Kg Chodan Tekam	Tekanan rendah	10	Bina baru	F1
		23	Jalan Tanah Wakaf 2 Kg Paya Pulau	Tekanan rendah	10	Bina baru	F1

Sumber: Kajian Lapangan dan Sesi Bengkel FGD, 2021

Jadual 5.1: Senarai Kampung yang Perlu Dipertingkatkan Agihan Bekalan Air (Sambungan)

Daerah	Mukim	Bil	Lokasi	Bekalan Air Semasa / Isu Permasalahan	Bil. Rumah	Cadangan	Fasa
Segamat	Pogoh	24	Jalan Hj Riduan Kg. Melayu Raya	Tekanan rendah	8	Bina baru	F1
		25	Jalan Dato Exco Kg. Melayu Raya	Tekanan rendah	10	Bina baru	F1
		26	Kg. Sri Rahmat 2, Tekam	Tekanan rendah	10	Bina baru	F1
	Gemereh	27	Jalan Temenggong hingga Jalan Mohamad, Kg. Berata	Tekanan air rendah	400	Menaiktaraf sistem perpaipan.	F1
		28	Kg. Gemereh 2	Tiada bekalan air	-	Bina baru	F1
		29	Kg. Berata	Tiada bekalan air	-	Bina baru	F1
		30	Jln Muhammad	Tiada bekalan air	-	Bina baru	F1
		31	Batu Hampar (Naiktaraf)	Tekanan air rendah	-	Menaiktaraf sistem perpaipan.	F1
	Buloh Kasap	32	Kg. Kuala Paya	Tekanan air rendah	-	Menaiktaraf sistem perpaipan.	F1
	Sernin	33	Kg. Gelang Chincin	Tekanan air rendah	-	Menaiktaraf sistem perpaipan.	F1
Tangkak	Serom	34	Kg. Telok Kemang (Jln Tg Siput)	Tiada bekalan air	-	Bina baru	F2
		35	Kg. Serom 4	Tiada bekalan air	-	Bina baru	F2
	Tangkak	36	KOA Sg. Mering	Tiada bekalan air	-	Bina baru	F2
		37	KOA Tanah	Tiada bekalan air	-	Bina baru	F2

Rajah 5.2: Senarai Kampung yang Perlu Dipertingkatkan Agihan Bekalan Air



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

PETUNJUK:

- Taburan Kampung Daerah Muar
- Taburan Kampung Daerah Tangkak
- Taburan Kampung Daerah Segamat
- Sempadan Bandar (UGB dan UCB)
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara)
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuhraya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut

- | | | |
|---|--|--|
| 1 Kg. Parit Kemang | 1 Kg. Temayor | 1 Kg. Telok Kemang |
| 2 Kg. Sg Pulau | 2 Kg. Sri Tuah | 2 Kg. Serom 4 |
| 3 Kg. Batu 5 | 3 Kg. Tenang | |
| 4 Kg. Batu 6 | 4 Kg. Usaha Jaya | |
| 5 Kg. Parit Kadir Darat | 5 Kg. Felda Chemplak | |
| 6 Kg. Tanjung Olak | 6 Kg. Sawah Bahru | |
| 7 Kg. Naib Kadir | 7 KOA Selai | |
| 8 Kg. Searak Api | 8 KOA Sri Tembayan | |
| | 9 KOA Kudong | |
| | 10 KOA Tamok | |
| | 11 KOA Kemidak | |
| | 12 KOA Selai | |
| | 13 Kg. Tunku Tiga | |
| | 14 Kg. Jabi | |
| | 15 Kg. Kadut | |